

| | | | |
|-------------|-----------------------------|------------|-----------|
| Headline | Azman letak jawatan CEO TNB | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 28 Mar 2019 | Language | Malay |
| Circulation | 112,050 | Readership | 336,150 |
| Section | Ekonomi | Page No | 38 |
| ArticleSize | 328 cm ² | Journalist | NURHANANI |
| PR Value | RM 19,448 | | |




Azman letak jawatan CEO TNB

Oleh NUR HANANI
AZMAN

ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 27 MAC

PRESIDEN dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Tenaga Nasional Berhad (TNB), Datuk Seri Azman Mohd, meletak jawatannya berkuat kuasa 31 Mac 2019.

TNB sehubungan itu melantik Amir Hamzah Azizan sebagai Presiden dan CEO yang baharu berkuat kuasa 2 April 2019.

Menurut TNB, lembaga pengarah menerima persetujuan Pemegang Saham Istimewa, Menteri Kewangan (Diperbadankan) (MoF Inc.) yang meluluskan pelantikan Amir Hamzah bagi tempoh tiga tahun berkuat kuasa mulai 2 April 2019 hingga 1 April 2022.

“Amir merupakan Pengurus Bukan Bebas Bukan Eksekutif UEM Edgenta Berhad dan CEO Themed Attractions Resorts & Hotels Sdn. Bhd. sejak 2017 sehingga kini.

“Beliau memiliki Ijazah



AMIR HAMZAH AZIZAN

Kesatuan persoal notis pemberhentian CEO TNB

Oleh FAIZI JAAFAR
 simpaning@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 26 MAC

Kesatuan Persatuan Perkerja-Pekerja Tenaga Nasional Berhad (KPPPTNB) acerasa jidat dengan desas-desus yang merodong Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) TNB, Datuk Seri Azman Mohd, ‘diminta’ untuk melepaskan jawatan walaupun masih mempunyai dua tahun lagi selesa.

Presiden KPPPTNB, Osman Alias berkata, berita tersebut



AZMAN MOHD
 Jantung Politik



OSMAN ALIAS
 Jantung Politik

“Tidak ada jidat di sini tertentu. permohonan dilantik orang dari sektor ini atau ke yang dia mempunyai pendek atau dia rasa

KERATAN Utusan Malaysia semalam.

Sarjana Muda Sains Pengurusan (Kewangan dan Ekonomi) dari Syracuse University, New York, Amerika Syarikat, kata-kata dalam makluman Bursa

Malaysia di sini hari ini.

Antara jawatan lain pernah digelar oleh Amir adalah Pengarah Urusan Icon Offshore Berhad (2016 - 2017) dan Naib Presiden (Perniagaan Pelincir) Petroliam Nasional Berhad (Petronas) (2013 - 2016).

Azman pula dilantik sebagai Presiden dan CEO syarikat utiliti

tenaga itu sejak 1 Julai 2012 dan telah berkhidmat selama 36 tahun dalam pelbagai jawatan di TNB.

Utusan Malaysia semalam melaporkan, Kesatuan Percantuman Pekerja-Pekerja Tenaga Nasional Berhad (KPPPTNB) meminta penjelasan kerajaan mengenai desas-desus mendakwa Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) TNB, Datuk Seri Azman Mohd ‘diminta’ untuk melepaskan jawatan.

Presiden KPPPTNB, Osman Alias berkata, berita mengejut diterbitkan oleh dua akhbar pada 13 Mac lalu, meresahkan lebih 16,000 ahli kesatuan, seolah-olah urusan pelantikan tidak dibuat mengikut cara rasmi.